

# Apakah contoh- contoh PROMs?

## PROMs Generik

EuroQol-5 Dimensions (EQ-5G) ialah satu contoh PROMs generik.

Ia mengukur mutu hidup anda berdasarkan 5 soalan tentang mobiliti, penjagaan diri, kesakitan, keupayaan anda untuk melengkapkan kegiatan harian dan status psikologi anda.

Soalan berikut ialah salah satu daripada lima soalan EQ-5D.

### Mobiliti

*Saya tiada masalah berjalan*

*Saya mempunyai sedikit masalah berjalan*

*Saya mempunyai masalah yang sederhana berjalan*

*Saya mempunyai masalah yang teruk berjalan*

*Saya tidak boleh berjalan*

## PROMs Khusus Pada Keadaan

Oxford Knee Score (OKS) ialah satu contoh PROMs yang Khusus Pada Keadaan.

Menerusi 12 soalan, ia menilai fungsi lutut dan tahap kesakitan anda selepas pembedahan penggantian seluruh lutut.

Soalan berikut ialah salah satu daripada 12 soalan OKS.

### **Sepanjang 4 minggu yang lepas...**

*Bagaimanakah anda menggambarkan kesakitan yang biasa anda rasakan di lutut anda?*

Tiada Sangat ringan Ringan Sederhana Teruk

## Pejabat Nilai

Hospital Tan Tock Seng

### Telefon:

6357 7000 (Talian Utama)



Sila imbas kod QR dengan menggunakan telefon bimbit anda untuk mendapatkan maklumat dalam talian atau kunjungi <http://for.sg/ttsh-health-library>

Adakah maklumat ini membantu anda? Jika anda ada sebarang maklum balas, sila hantarkan emel kepada [patienteducation@ttsh.com.sg](mailto:patienteducation@ttsh.com.sg)

## PEJABAT NILAI

### Penjagaan Lebih Baik dengan PROMs (Ukuran Hasil Laporan Pesakit)





## Apa itu PROMs?

Ukuran Hasil Laporan Pesakit (PROM) ialah tinjauan yang membantu anda melaporkan hasil berkaitan kesihatan dan kesejahteraan diri anda kepada penyedia penjagaan anda.

Tinjauan ini akan membantu pasukan penjagaan kesihatan anda memahami dan menjejak status kesihatan anda dengan lebih baik.

## Apakah Jenis-jenis PROMs?

Terdapat dua jenis PROMs:

- I. PROMs Generik
- II. PROMs Khusus Keadaan



PROMs Generik digunakan bagi pelbagai keadaan dan menumpukan kepada aspek psikososial hidup seperti kegiatan kehidupan harian, keresahan dan penjagaan diri.

PROMs Generik



PROMs Khusus Keadaan

PROMs Khusus Keadaan menumpukan kepada aspek tertentu keadaan pesakit (contohnya tahap kesakitan di lutut bagi Oxford Knee Score).

## Bagaimana cara Melakukan PROMs?

Berdasarkan keadaan anda, pasukan penjagaan kesihatan anda akan mencadangkan PROMs yang sesuai untuk anda, cara melengkapkannya dan berapa kerap anda digalakkan untuk melakukan PROMs.

Anda mungkin diminta melengkapkannya semasa temu janji klinikal anda sebelum konsultasi anda. Anda juga mungkin menerima notifikasi SMS untuk melengkapkannya dalam talian di antara temu janji susulan.

## Bagaimanakah PROMs Dapat Mempertingkatkan Penjagaan Saya?



### Merapatkan hubungan anda dengan pasukan penjagaan kesihatan anda

PROMs membantu anda berkomunikasi dengan lebih baik dengan pasukan penjagaan kesihatan anda untuk mempertingkatkan kefahaman mereka tentang status kesihatan semasa anda, matlamat kesihatan dan kesejahteraan diri anda secara umum.



### Memudahkan rawatan yang disasarkan untuk merawat simptom dengan lebih baik

PROMs membantu menentukan dan menjejak tahap dan status simptom anda. Ini akan membantu pasukan penjagaan kesihatan anda menyediakan rawatan yang sesuai untuk anda tepat pada masanya.



### Memberikan pengetahuan mendalam tentang keberkesanan pelan penjagaan anda

PROMs membantu pasukan penjagaan kesihatan anda menentukan keberkesanan pelan penjagaan anda dan tahap kepuasan anda dengannya. Pasukan penjagaan kesihatan anda akan mempertingkatkan dan menyesuaikan pelan penjagaan anda secara lanjut berdasarkan pengetahuan ini.



Dulu

vs.



Sekarang

Pantau kemajuan kesihatan anda dari masa ke masa

PROMs memantau aspek-aspek penting keadaan anda dan juga status kesihatan anda di antara temu janji susulan.



Menggalak anda agar bertanggungjawab ke atas kesihatan anda

PROM direka untuk menyertakan diri anda dalam perjalanan penjagaan kesihatan anda. Ini memperkasakan anda agar memainkan peranan aktif dalam kesihatan anda.

## Bagaimanakah Data Saya Dilindungi?

PROM boleh dilengkapkan melalui

- I. Borang cetak
- II. Platform dalam talian yang selamat seperti FormSG

Kami ingin meyakinkan bahawa maklumat anda dirahsiakan sepenuhnya dan hanya akan digunakan untuk menyesuaikan pelan penjagaan anda.

## Ada Soalan Lebih Lanjut?

Anda boleh bincangkan dengan pasukan penjagaan kesihatan anda untuk mengetahui lebih lanjut tentang PROM.

### Penafian

PROM digunakan dalam amalan klinikal rutin untuk memberi panduan kepada pelan rawatan anda dan bukan sebagai ganti bagi nasihat perubatan.

Sila temui doktor anda atau Jabatan Kecemasan jika anda memerlukan perhatian perubatan segera.